

Benita Harian - 24/5/2016

IJTIMAK PONDOK MALAYSIA 2016

Kesepakatan lulus tujuh resolusi

➔ Syor wujud
jawatankuasa
rangka sistem
pengajian secara
bersepadu

Oleh Rosli Abd Jalil,
Hanneeyzah Bariah Baharin,
Mohd Nasaruddin Parzi
dan Baharom Bakar
bhkt@bh.com.my
Kuala Nerus

Ijtimak Pondok 2016 yang berakhir semalam, menggariskan tujuh resolusi menubuhkan satu jawatankuasa teknikal dan penyelarasan di bawah kelolaan Pejabat Perdana Menteri untuk pembangunan institusi pondok.

Jawatankuasa itu berfungsi merangka sistem secara bersepadu berkaitan penambahbaikan pengajian, pengurusan modal insan, kebajikan pelajar, pengurusan dan penjanaaan kewangan yang lestari, termasuk aset pondok, koperasi pondok serta men-

dapat pengiktirafan daripada kerajaan.

Resolusi berkenaan dibacakan oleh Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar itu pada majlis penutupan ijtimak itu.

Majlis penutup ijtimak bertema-kan 'Pemantapan Institusi Pondok Melalui Sistem Wakaf' itu disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di sini.

UMT ketua jawatankuasa

UMT menerusi Pusat Islam Sultan Mahmud diamanahkan untuk mengetuai Jawatankuasa Resolusi Ijtimak Pondok Malaysia 2016 dengan kerjasama Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).